

16 SEP 2003

Chan-Lesen

MOTOSIKAL KURANG 150CC: PEMILIK WAJIB MILIKI LESEN LKM DAN INSURANS

PUTRAJAYA, 16 Sept (Bernama) -- Pemilik motosikal dengan enjin berkuasa tidak melebihi 150cc kini hanya diwajibkan membuat bayaran RM2 untuk mendapatkan Lesen Kenderaan Motor (LKM) berikutan keputusan kerajaan memansuhkan cukai jalan bagi kenderaan jenis itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy, berkata bayaran itu dikenakan bagi lesen baru dan setiap kali ianya diperbaharui di pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Walaupun dikecualikan daripada cukai jalan, setiap pemilik motosikal itu masih perlu membeli insurans seperti diwajibkan sekarang, iaitu sekurang-kurangnya insurans bagi pihak ketiga," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

Chan menjelaskan bahawa pemansuhan cukai jalan itu, yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 Jumaat lepas, berkuatkuasa serta-merta.

Pengumuman itu melibatkan kira-kira empat juta pemilik motosikal di seluruh negara. Bagaimanapun, keputusan itu menyebabkan kerajaan kehilangan hasil sebanyak RM224 juta.

Sebelum ini, pemilik motosikal dikenakan bayaran cukai jalan antara RM50 dan RM65 bagi Semenanjung, antara RM12 dan RM24 bagi Sarawak dan RM50 di Sabah setahun.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, turut mengumumkan pengecualian cukai jalan bagi kereta, van dan motosikal buatan tempatan yang dimiliki oleh orang kurang upaya.

Bagaimanapun, mereka ini juga perlu mendapatkan LKM dengan bayaran RM2 bagi lesen baru dan setiap kali ia diperbaharui serta dikehendaki mempunyai perlindungan insurans yang sah.

Chan berkata bayaran LKM sebanyak RM1 dikekalkan bagi kenderaan motor orang kurang upaya yang berat tanpa muatan tidak melebihi 250kg yang direka bentuk khas atau disesuaikan semata-mata untuk kegunaan golongan itu.

Selaras dengan Bajet 2004, katanya, pemilik bas pekerja akan diberikan potongan 50 peratus daripada bayaran cukai jalan sedia ada apabila lesen kenderaan mereka diperbaharui.

Sebelum ini, pemilik bas pekerja dikehendaki membayar cukai jalan antara RM238 dan RM480 setahun bergantung kepada kuasa enjin bas.

Kesemua pengecualian dan potongan cukai jalan itu berkuatkuasa serta-merta dengan permohonan lesen baru atau pembaharuan lesen sedia ada, kata Chan.

-- BERNAMA

MAM DC MAI